


# GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA

## UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01

| DISEDIAKAN | DISEMAK | DILULUSKAN |
|---|---|---|
| **Jawatankuasa Sistem Pengurusan Kualiti Pengurusan Pengajian dan Perkhidmatan (SPK PPP)** | ........................................................... **NURADERRAH HASNUL HAFIDZAN** <br> **Ketua Bahagian/KJK** | ........................................................... **PROFESOR MADYA DR. AKMAL SABARUDIN** <br> **Ketua PTJ** |
| **Tarikh : 09/04/2025** | **Tarikh : 15/04/2025** | **Tarikh : 17/04/2025** |

| No. Isu | No. Semakan | Tarikh Kuatkuasa |
|---|---|---|
| 01 | 02 | 21/04/2025 |

**ISI KANDUNGAN** **Muka Surat**


| | | |
|---|---|---|
| 1.0 | TUJUAN | 1 |
| 2.0 | LATAR BELAKANG | 1 |
| 3.0 | SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR | 1 - 2 |
| 4.0 | TANGGUNGJAWAB PELAJAR | 2 |
| 5.0 | PROSES PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR | 3 |
| 6.0 | LAMPIRAN | |
| | 6.1 REKOD PELAKSANAAN | 3 |
| | 6.2 REKOD PINDAAN | 4 |





**DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.**
**PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN**

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini menerangkan tatacara permohonan dana mobiliti pelajar UKM ke luar negara.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Program mobiliti pelajar ke luar negara adalah untuk menyediakan peluang kepada pelajar UKM untuk melengkapkan pengalaman pendidikan dengan mengikuti program akademik yang ditawarkan di institusi luar negara.

UKM menawarkan program mobiliti pelajar ke luar negara untuk mencapai objektif berikut:

a) Memperluas pengalaman pendidikan dan pembelajaran budaya.
b) Memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai isu dan perspektif global berkaitan dengan bidang ilmu yang diceburi.
c) Membolehkan pelajar mengamalkan ilmu yang dipelajari serta mengilmukan apa yang diamalkan.
d) Melatih pelajar sebagai duta kecil UKM dan Malaysia.
e) Melahirkan pelajar UKM yang cemerlang sebagai graduan yang berwibawa, pencetus ilmu, pemangkin kesarjanaan yang dihormati dan relevan kepada negara serta masyarakat global.
f) Memperluas aktiviti di bawah perjanjian kerjasama antara UKM dan institusi luar negara.

2.2 Dana mobiliti pelajar merupakan bantuan kewangan kepada pelajar yang mengikuti program mobiliti ke luar negara.

2.3 Permohonan dana mobiliti pelajar ke luar negara diselaraskan oleh Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global) di bawah Jawatankuasa Dana Mobiliti Pelajar UKM.

## 3.0 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR

3.1 Pelajar yang ingin memohon dana mobiliti perlu memenuhi kriteria berikut:

a) Warganegara Malaysia.
b) Berdaftar sepenuh masa di UKM.
c) Telah melengkapkan sekurang-kurangnya satu semester pengajian dan mempunyai pencapaian minimum:
   - Prasiswazah: PNGK 3.0
   - Siswazah (Kerja Kursus): PNGK 3.0
   - Siswazah (Penyelidikan): Lulus, Terus Pengajian
d) Telah mendapatkan kelulusan fakulti/ institut untuk mengikuti program mobiliti.
e) Pelajar hanya dibenarkan menerima dana mobiliti pelajar sekali sahaja sepanjang pengajian di UKM.
f) Permohonan dana mobiliti yang diterima selepas program tamat tidak akan dipertimbangkan.



DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN

3.2 Kategori Program Mobiliti adalah seperti berikut:
- 3.2.1 Pertukaran Pelajar (1-2 semester);
- 3.2.2 Mobiliti Jangka Pendek (Contoh: *Summer/ Winter Program*);
- 3.2.3 Sangkutan Klinikal;
- 3.2.4 Sangkutan Penyelidikan; dan
- 3.2.5 Latihan Industri.

3.3 Tempoh program yang diadakan secara bersemuka adalah minimum 7 hari (termasuk tarikh perjalanan pergi dan balik) sehingga maksimum 2 semester sahaja.

## 4.0 TANGGUNGJAWAB PELAJAR

4.1 Pelajar yang ingin memohon dana mobiliti bertanggungjawab:

a) Menguruskan permohonan untuk mengikuti program mobiliti di institusi luar negara (Keutamaan diberikan kepada institusi yang mempunyai perjanjian kerjasama dengan UKM).

b) Melengkapkan borang permohonan dana UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-BO01: Borang Permohonan Dana Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara.

c) Mendapatkan kelulusan ke luar negara melalui sistem i-STAR.

d) Menguruskan persiapan logistik sebelum, semasa dan selepas mengikuti program.

e) Memohon pemindahan kredit daripada fakulti/ institut (jika berkaitan) selepas program tamat.

f) Sekiranya berlaku perubahan seperti pembatalan program, penarikan diri daripada penyertaan, pertukaran lokasi dan mod program selepas pelajar menerima dana mobiliti, pelajar perlu membuat:
- Pemakluman kepada UKM Global.
- Pemulangan dana yang diterima daripada universiti.

## 5.0 PROSES PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR

5.1 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar kepada:

Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global)
Aras 2, Bangunan Canselori, UKM Bangi, 43600 Selangor
Universiti Kebangsaan Malaysia
No. Telefon: 03-89213271 / 03-89214357
E-mel: exchange@ukm.edu.my

5.2 Sekiranya permohonan:

(a) Berjaya: Pelajar perlu melengkapkan UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-L01: Akuan Penerimaan Tawaran Dana Mobiliti Pelajar.

(b) Tidak berjaya: Akan menerima pemakluman melalui emel rasmi UKM.



DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN

5.3 Setelah program tamat, pelajar perlu:

a) Mengemukakan laporan program kepada UKM Global dan salinan kepada fakulti/ institut masing-masing dalam tempoh dua (2) minggu.

- UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-L02: Laporan Program Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara.

b) Sekiranya gagal, pelajar akan diberikan notis peringatan dan surat tunjuk sebab.

## 6.0 LAMPIRAN

6.1 REKOD PELAKSANAAN

| Bil. | No. Dokumen | Tajuk |
|---|---|---|
| 1 | UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-BO01 | Borang Permohonan Dana Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara |
| 2 | UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-L01 | Akuan Penerimaan Tawaran Dana Mobiliti Pelajar |
| 3 | UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-L02 | Laporan Program Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara |

6.2 REKOD PINDAAN

| REKOD PINDAAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| No. Bil | No. Isu | No. Semakan | Muka Surat | Ringkasan Pindaan | Tarikh Kuatkuasa |
| 1 | 01 | 00 | - | Mewujudkan dokumen UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01 | 01.01.2023 |
| 2 | 01 | 01 | Muka hadapan | Pindaan pada Tajuk Dokumen, Nama Ketua Bahagian, Nama Ketua PTj, No. Semakan dan tarikh yang terkini. | 11.11.2024 |
| 3 | 01 | 01 | 1 - 2 | Pengemaskinian maklumat terkini dalam Latar Belakang dan Syarat Permohonan. | 11.11.2024 |
| 4 | 01 | 01 | 2 - 3 | Mewujudkan perkara:<br>4.0 TANGGUNGJAWABPELAJAR;<br>5.0 PROSES PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR | 11.11.2024 |
| 5 | 01 | 01 | 3 - 4 | Pengemaskinian nombor dokumen semasa. | 11.11.2024 |
| 6 | 01 | 01 | 4 | Mewujudkan 6.2 REKOD PINDAAN | 11.11.2024 |



DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN

| REKOD PINDAAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **No. Bil** | **No. Isu** | **No. Semakan** | **Muka Surat** | **Ringkasan Pindaan** | **Tarikh Kuatkuasa** |
| 7 | 01 | 02 | Muka hadapan | Pengemaskinian Garis Panduan dan Tajuk Dokumen | 21.04.2025 |
| 8 | 01 | 02 | 1-4 | Pengemaskinian isi kandungan dokumen UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01 | 21.04.2025 |



DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN